



KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD

(315167-P)

(Syarikat di dalam Kumpulan Permodalan Kedah Berhad)

Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965

Syarikat Pengurusan Tabung ASK

LEMBARAN SERLAHAN PRODUK

LEMBARAN SERLAHAN PRODUK INI BERTARIKH 31 MAC 2023



TABUNG AMANAH SAHAM KEDAH

(Ditubuhkan Pada 27 Februari 1995)

KENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Lembaran Serlahan Produk ini telah disemak dan diluluskan oleh Pengarah-Pengarah Kedah Islamic Asset Management Berhad (KIAM), pengurus Tabung Unit Amanah ini dan mereka secara bersama dan berasingan mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas ketepatan semua maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang tertinggal yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Lembaran Serlahan Produk ini palsu atau mengelirukan.

KENYATAAN PENOLAK TUNTUTAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah memberi kebenaran kepada terbitan Tabung Amanah Saham Kedah (ASK) dan satu salinan Lembaran Serlahan Produk ini telah diserahkan dengan SC.

Kebeneran yang diberikan kepada Tabung ASK dan serahsimpan Lembaran Serlahan Produk ini, tidak boleh dianggap sebagai menunjukkan bahawa SC mengesyorkan Tabung ASK atau bertanggungjawab di atas kebenaran mana-mana kenyataan yang dibuat atau pandangan atau laporan yang dizahirkan di dalam Lembaran Serlahan Produk ini.

SC tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang maklumat yang tidak dizahirkan oleh KIAM yang bertanggungjawab untuk Tabung ASK ini. SC juga tidak akan bertanggungjawab ke atas isi kandungan Lembaran Serlahan Produk ini. SC tidak memberi apa-apa gambaran terhadap ketepatan dan kesempurnaan Lembaran Keterangan Produk ini dan dengan nyata menolak apa-apa tuntutan liabiliti terhadap sebarang kerugian yang timbul akibat daripada atau oleh kebergantungan ke atas kesemua atau mana-mana bahagian isi kandungan Lembaran Serlahan Produk ini.

LEMBARAN SERLAHAN PRODUK INI HANYA MENERANGKAN MAKLUMAT BERKAIT CIRI-CIRI UTAMA TABUNG ASK DAN RISIKO PELABURAN BERKAIT DENGANNYA. PARA PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MENDAPATKAN, MEMBACA DAN MEMAHAMI DOKUMEN TAMBAHAN LAIN YANG BERKAITAN SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MELABUR.

AMANAH SAHAM KEDAH

MAKLUMAT RINGKAS TABUNG

1. Apa itu ASK?

Nama Tabung	:	Amanah Saham Kedah (ASK)
Kategori Tabung	:	Tabung Ekuiti Berteraskan Syariah
Jenis Tabung	:	Tabung Pendapatan dan Pertumbuhan
Pengurus	:	Kedah Islamic Asset Management Berhad
Pemegang Amanah	:	CIMB Islamic Trustee Berhad

KESESUAIAN PELABURAN DALAM TABUNG UNTUK PELABUR

2. Siapa yang boleh melabur dalam ASK?

Tabung ASK adalah untuk pelabur yang mempunyai profil pelaburan seperti berikut :

- Pelabur yang inginkan pelaburan berisiko sederhana yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah;
- Pelabur yang memerlukan pengurus dana dan juga kepakaran bagi pelaburan yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah;
- Pelabur yang ingin memperolehi pulangan dalam jangka masa sederhana (3 – 5 tahun) dan jangka masa panjang (5 tahun ke atas) bagi pelaburan yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah; dan
- Pelabur yang ingin mempelbagaikan portfolio pelaburan di dalam sekuriti-sekuriti yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah.

CIRI-CIRI UTAMA TABUNG

3. Apakah erti pelaburan saya?

Anda melabur di dalam sebuah tabung unit amanah yang dikategorikan sebagai tabung ekuiti yang berteraskan Syariah yang bermatlamat untuk memberi pemegang-pemegang unit suatu tahap pendapatan yang menarik dan berterusan, serta peningkatan modal menerusi pelaburan berisiko munasabah yang dilaksanakan mengikut Suratikatan, Garispanduan, Akta dan undang-undang sekuriti di dalam sekuriti-sekuriti di pasaran tempatan yang memenuhi prinsip-prinsip Syariah.

Anda mungkin menerima pengagihan pendapatan (jika ada) yang diagih dalam bentuk tunai dan/atau mewujudkan unit-unit tambahan (jika ada) sekiranya pada akhir tahun kewangan ASK mempunyai keuntungan boleh diagih yang mencukupi.

Bagi mencapai objektif pelaburan, Pengurus akan melabur di dalam sebuah portfolio yang terdiri daripada ekuiti patuh Syariah, pasaran wang Islam dan lain-lain pelaburan yang dibenarkan dengan melabur sekurang-kurangnya 70% dan sehingga 95% daripada modal ASK dalam ekuiti patuh Syariah dan lebihan kecairan pula akan dilaburkan di dalam instrumen pasaran wang Islam dan akaun pelaburan Islam bagi menjana pulangan tambahan.

Di sebaliknya, di dalam keadaan pasaran ekuiti patuh Syariah yang tidak memberangsangkan, pelaburan di dalam pasaran wang Islam akan ditingkatkan sehingga 30% NAB bagi mengganti pengurangan pendedahan ekuiti patuh Syariah dan boleh melebihi 30% NAB sebagai strategi bertahan sementara ("temporary defensive strategy"), khususnya sewaktu kejatuhan yang teruk di dalam pasaran ekuiti patuh Syariah, suasana ekonomi dan politik yang kritikal dan lain-lain keadaan yang negatif.

4. *Siapakah pihak lain yang terlibat dalam pelaburan saya?*

Pihak-pihak yang terlibat dengan ASK :

Pengurus	:	Kedah Islamic Asset Management Berhad
Pemegang Amanah	:	CIMB Islamic Trustee Berhad
Juruaudit & Akauntan Melapor	:	PKF PLT

5. *Apakah kemungkinan yang berlaku pada pelaburan saya?*

Pulangan pendapatan (jika ada) dan nilai aset Tabung adalah tertakluk kepada naik turun keadaan pasaran saham. Dalam keadaan pasaran saham yang meningkat, pelaburan anda bukan sahaja berkemungkinan memperoleh agihan pendapatan (dalam bentuk tunai atau tambahan unit-unit) malah nilai pelaburan asal anda juga mengalami peningkatan. Tetapi dalam keadaan pasaran saham yang menurun, bukan sahaja kemungkinan tiada agihan pendapatan dibuat malah nilai pelaburan asal anda juga berkemungkinan akan menyusut.

RISIKO UTAMA

6. *Apakah risiko utama yang berkait dengan pelaburan dalam tabung ini?*

Prestasi ASK adalah tertakluk kepada prestasi harga saham di Bursa Malaysia di mana pegangan pelaburan ASK disenaraikan. Prestasi saham-saham individu di dalam portfolio akan turun dan naik mengikut perubahan nilai pasaran pelaburan. Turun-naik ini mungkin ketara dalam jangka masa pendek. Ini menyumbang kepada risiko pasaran semasa melabur dalam Tabung.

Walau bagaimanapun, impak ini boleh dikurangkan melalui proses pelaburan portfolio yang dipelbagaikan oleh Pengurus. Di samping itu, ASK tidak boleh melabur di dalam syarikat-syarikat dan industri-industri yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariah. Justeru itu, walaupun ASK mampu memenuhi kemahuan pelabur-pelabur yang inginkan pulangan pelaburan berlandaskan Syariah, prestasi ASK tidak boleh dibandingkan dengan prestasi tabung-tabung unit amanah yang tidak mempunyai sekatan pelaburan yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah seperti ASK.

YURAN-YURAN DAN CAJ-CAJ

7. *Apakah yuran-yuran dan caj yang terlibat dalam pelaburan ini?*

Anda akan dikenakan caj-caj secara langsung seperti caj jualan sebenar yang akan ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa pada kadar tidak melebihi 5% daripada nilai aset bersih (NAB) seunit. Manakala bagi caj belian balik sebenar (jika ada), ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa pada kadar tidak melebihi 2% daripada NAB seunit serta tidak melebihi 5 sen seunit.

Anda juga akan dikenakan yuran-yuran secara tidak langsung seperti Yuran Tahunan Pengurusan sebanyak maksima 1.5% daripada NAB Tabung ASK (NAB kasar @ sebelum mengambil kira yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah yang diakrukan pada hari tersebut) dan diakrukan secara harian mengikut bilangan hari dalam tahun berkenaan.

Terdapat juga Yuran Tahunan Pemegang Amanah sebanyak 0.07% daripada NAB Tabung ASK (kasar @ sebelum mengambilkira yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah yang diakrukan pada hari tersebut) dan diakrukan secara harian mengikut bilangan hari dalam tahun berkenaan.

8. *Berapakah kekerapan penilaian harga boleh didapati?*

Titik penilaian NAB Tabung ASK hanya dibuat 2 kali setiap hari perniagaan iaitu di penutup setiap sesi urusaniaga di Bursa Malaysia pada jam 12.30 tengahari dan 5.00 petang. Titik penilaian pada jam 5.00 petang adalah untuk membuat pengiraan wajib bagi menentukan harga unit bagi urusaniaga pada hari perniagaan berikutnya, manakala titik penilaian pada jam 12.30 tengahari bertujuan membuat pemantauan perubahan NAB Tabung ASK sama ada perlu ditentukan semula harga unit atau tidak.

Pelabur boleh mendapat maklumat tentang harga semasa unit dan/atau NAB seunit Tabung ASK dengan melayari laman web Pengurus di alamat <http://www.kiam.com.my>. Pelabur juga boleh datang ke kaunter KIAM atau menghubungi talian 04-7300323 untuk mendapatkan maklumat tersebut.

9. *Bagaimanakah saya boleh menebus pelaburan saya dan apakah risiko dan kos yang terlibat?*

Anda boleh menjual balik unit kepada Pengurus pada bila-bila masa di hari bekerja dengan mengisi Borang Permohonan Belian Balik yang terdapat di belakang sijil atau penyata pelaburan dan mengemukakan kepada pihak KIAM. Pengurus akan membeli balik unit-unit mengikut harga belian balik pada hari permohonan diterima. Bayaran untuk penebusan akan dibuat dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan diterima. Sekiranya pembelian balik dibuat di kaunter KIAM, Pengurus akan membuat pembayaran pada hari yang sama bagi jumlah pembelian balik yang bernilai kurang daripada RM500.

Pelabur yang pertama kali membuat pelaburan di dalam ASK boleh menarik balik pelaburan anda dalam tempoh 6 hari perniagaan dari tarikh permohonan serta pembayaran wang pelaburan diterima oleh Pengurus. Jika pembayaran dibuat dengan cek, hak tempoh bertenang hanya dianggap terlaksana setelah cek tersebut jelas.

Pengurus akan mengembalikan sepenuhnya wang pelabur bagi urusaniaga pertama pembelian unit mengikut jumlah NAB seunit dicampur caj jualan yang telah dikenakan pada hari unit dibeli dahulu dalam tempoh 10 hari dari tarikh permohonan hak tempoh bertenang diterima dan terlaksana.

“PELABUR ADALAH DINASIHAT UNTUK TIDAK MEMBUAT BAYARAN SECARA TUNAI KEPADA MANA-MANA PERUNDING UNIT AMANAH ATAU MEMBUAT CEK DI ATAS NAMA MANA-MANA PERUNDING UNIT AMANAH”
--

PRESTASI ASK

10. Bagaimanakah prestasi lampau tabung ini?

PURATA PULANGAN TAHUNAN (%)

1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	10 Tahun
-3.49%	10.20%	3.82%	2.98%

JUMLAH PULANGAN TAHUNAN (%)

	2022	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013
ASK	-3.49%	36.21%	-2.12%	-16.99%	5.48%	3.54%	-7.90%	-1.10%	12.34%	3.86%
FBMSHA	-6.64%	16.71%	-5.21%	-17.18%	8.39%	1.13%	-6.64%	1.74%	16.12%	2.70%

Bagi tahun kewangan berakhir 28 Februari 2022, pencapaian Tabung ASK menurun sebanyak 3.49% berbanding Indeks FBM Shariah Bursa Malaysia (indeks penanda aras Tabung ASK) yang turut turun sebanyak 6.64%.

KAEDAH PENGIRAAN JUMLAH PULANGAN

1. Jumlah Pulangan = Pertumbuhan Modal + Pulangan Pendapatan
2. Pertumbuhan Modal = (NAB seunit* akhir / NAB seunit awal) – 1
3. Pendapatan = Pengagihan pendapatan seunit / NAB seunit awal
4. Purata Pulangan Tahunan = Jumlah pulangan dibahagi dengan bilangan tahun yang dikehendaki

* NAB seunit adalah selepas pengagihan

NISBAH DAGANGAN PORTFOLIO (NDP)

Untuk tempoh 3 tahun kewangan yang lepas, Nisbah Dagangan Portfolio (NDP) Tabung ASK adalah seperti berikut :-

TABUNG ASK	Tahun Kewangan Berakhir 28 / 29 Februari		
		2021	2020
Nisbah Dagangan Portfolio	7% @ 0.07 kali	117% @ 1.17 kali	64% @ 0.64 kali

NDP menunjukkan kekerapan portfolio Tabung ASK didagangkan dengan mengira purata jumlah kos belian dan jualan pelaburan di dalam tahun kewangan berbanding purata NAB Tabung ASK berpanduan asas harian, seperti berikut :-

$$\text{NDP} = \frac{(\text{Jumlah Belian} + \text{Jumlah Jualan Sekuriti}) / 2}{\text{Purata Nilai Aset Bersih Tabung ASK}}$$

Berdasarkan rekod NDP di atas, keaktifan dagangan pada tahun kewangan 2022 menurun kepada 0.07 kali berbanding 1.17 kali pada 2021. Ini disebabkan penurunan dalam transaksi jualan dan belian ekuiti di samping mengambil pendekatan berhati-hati oleh Pengurus Tabung ASK.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

Untuk tempoh 3 tahun kewangan yang lepas, Tabung ASK tidak membuat pengagihan pendapatan dalam bentuk tunai dan / atau unit seperti berikut :-

TABUNG ASK	Tahun Kewangan Berakhir 28 / 29 Februari					
	2022		2021		2020	
	Sen Seunit (sen)	Pulangan* Sebenar Pengagihan	Sen Seunit (Sen)	Pulangan* Sebenar Pengagihan	Sen Seunit (Sen)	Pulangan* Sebenar Pengagihan
Agihan Kasar (sebelum cukai)	-	-	-	-	-	-
Agihan Bersih (selepas cukai)	-	-	-	-	-	-
Agihan Dalam Bentuk Tunai	-		-		-	
Agihan Dalam Bentuk Unit	-		-		-	

(*) Pulangan Sebenar Pengagihan ("dividend yield") dikira berdasarkan kadar pengagihan pendapatan seunit berbanding purata nilai aset bersih seunit bagi tempoh kewangan yang berkenaan.

“PENCAPAIAN TABUNG ASK PADA MASA LALU TIDAK MENGGAMBARAKAN PENCAPAIANNYA DI MASA HADAPAN”

HUBUNGI KAMI

11. *Siapa yang patut saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut?*

PEJABAT BERDAFTAR & PERNIAGAAN

Kedah Islamic Asset Management Berhad

178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah

05350 Alor Setar

Kedah Darul Aman

Tel: 04-7300323 Faks : 04-7300320

Laman web : www.kiam.com.my Email : ask@kiam.com.my

12. *Siapa yang patut saya hubungi untuk melaporkan aduan?*

1. Bagi penyelesaian pertikaian dan aduan, anda boleh menghubungi pejabat urusaniaga Pengurus sebagaimana tertera di atas.
2. Sekiranya anda tidak berpuashati dengan keputusan Pengurus, sila majukan pertikaian anda ke Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC):

(a) melalui telefon	: 03-2282 2280
(b) melalui faks	: 03-2282 3855
(c) melalui email	: info@sidrec.com.my
(d) melalui surat-menyurat	: Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) Unit A-9-1, Level 9, Tower A Menara UOA Bangsar No.5, Jalan Bangsar Utama 1 59000 Kuala Lumpur

3. Anda juga boleh memajukan aduan anda terus ke SC walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi Jabatan Pengaduan & Hal Ehwal Pelabur SC:

- (a) melalui telefon ke Aduan Hotline : 03-6204 8999
- (b) melalui faks : 03-6204 8991
- (c) melalui email : aduan@seccom.com.my
- (d) melalui borang aduan secara 'online' di www.sc.com.my
- (e) melalui surat menyurat : Jabatan Pengaduan & Hal Ehwal Pelabur
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur

4. Biro Aduan, Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) :

- (a) melalui telefon ke : 03-2092 3800
- (b) melalui faks : 03-2093 2700
- (c) melalui email : complaints@fimm.com.my
- (d) melalui borang aduan secara 'online' di www.fimm.com.my
- (e) melalui surat menyurat : Jabatan Perundangan, Kesetiausahaan & Hal Ehwal
Peraturan
Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
19-06-1, Tingkat 6, Wisma Tune
No. 19, Lorong Dungun, Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

TAKRIF SINGKATAN / ISTILAH

Akta	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
ASK atau Tabung	Amanah Saham Kedah
Garis panduan	Garis panduan Tabung Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
Hari Perniagaan	Hari di mana Bursa Malaysia berurusniaga.
Hari Urusniaga	Hari di mana Pengurus berniaga.
NAB	Nilai Aset Bersih, iaitu nilai kesemua aset ditolak nilai kesemua liabiliti Tabung pada sesuatu titik penilaian.
Pengurus / KIAM	Kedah Islamic Asset Management Berhad
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Suratikatan	Suratikatan utama bertarikh 24 Februari 1995 dan Suratikatan-Suratikatan Tambahan di antara KIAM (sebagai Pengurus) dan CIMB Islamic Trustee Berhad (sebagai Pemegang Amanah) dan pemegang-pemegang unit amanah yang bersetuju mematuhi peruntukan Suratikatan.